



**PERBENDAHARAAN MALAYSIA SABAH
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**

Tingkat 2, Rumah Persekutuan
Jalan Mat Salleh
88592 KOTA KINABALU
SABAH



Tel : 088 243 993
Faks : 088 240 020/ 244182
E-mel: pmsbh@treasury.gov.my
Laman Web : <http://pmsabah.treasury.gov.my>

Ruj. Kami : PMS/UP/656-3 JLD.4(24)
Tarikh : 10 Julai 2015

Semua Ketua Jabatan Persekutuan Sabah
Dan Wilayah Persekutuan Labuan

Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan Sabah
Dan Wilayah Persekutuan Labuan

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT EDARAN PERBENDAHARAAN MALAYSIA SABAH
BIL. 3/2015**

**MAKLUMAN BERHUBUNG PENAMATAN KONTRAK PUSAT MEMUNGUT DAN MEMBELI
TAYAR TERPAKAI (BARANG LUSUH) DARI JABATAN DAN BADAN BERKANUN
PERSEKUTUAN DI SABAH DAN WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN (BIL.2 TAHUN 2010)**

Dengan segala hormatnya saya menarik perhatian YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Kontrak Pusat Memungut dan Membeli Tayar Terpakai (Barang Lusuh) telah tamat pada 30 Ogos 2014 dan pejabat ini tidak berhasrat untuk meneruskan kontrak pusat tersebut. Ini kerana penggunaan kontrak pusat tersebut oleh Jabatan/Agensi Persekutuan di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan adalah sangat kecil dan tidak relevan untuk diteruskan.
3. Hasil semakan pejabat ini juga mendapati bahawa Jabatan/Agensi Persekutuan lebih cenderung untuk menggunapakai semula tayar terpakai tersebut bagi tujuan lain atau dilupuskan secara hadiah untuk kegunaan sebagai tukun tiruan, penghadang jeti, pemampam bot dan sebagainya. Sehubungan dengan itu, pihak YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan boleh merujuk kepada 1 Pekeliling Perbendaharaan (1PP), KP 2.6/2013 (Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan : Pelupusan) dalam melaksanakan pelupusan tayar terpakai.
4. Kerjasama dan perhatian daripada YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan berhubung perkara ini adalah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(DATUK YUSOF BIN HJ SARANGIT)
Pegawai Kewangan Persekutuan Sabah

"MENJANA KEMAKMURAN NEGARA"
CEPAT, TEPAT, MESRA, AMANAH



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT NO: AR 3495